

**MAJLIS PERASMIAN SERAMBI ILMU RAKYAT (SIR) CORNER UMP
OLEH YH. PROFESOR DATO' TS. DR. YUSSERIE BIN ZAINUDDIN
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
PADA HARI ISNIN 12 JUN 2023, JAM 11.30 PAGI
DI PERPUSTAKAAN UMP, KAMPUS GAMBANG**

SALUTASI

Terima kasih saudara Pengacara Majlis;

Yang Berusaha Encik Syaiful Abdul Ghani,
Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat

Yang Berusaha Cik Kamariah binti Gono,
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan dan yang
Menjalankan Fungsi Ketua Pustakawan UMP

Dekan-dekan, pengarah-pengarah dan ketua pusat tanggungjawab,
pegawai-pegawai kanan universiti,

Para delegasi daripada Yayasan Bank Rakyat,

Para pelajar dan hadirin sekalian,

Assalamualaikumwarahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

KATA PEMBUKA

1. Alhamdulillah, marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya maka Majlis Perasmian Serambi Ilmu Rakyat (S.I.R) Corner UMP dan penyerahan bantuan awal pangajian (BAP) oleh Yayasan Bank Rakyat pada hari ini dapat direalisasikan.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan UMP, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Encik Syaiful Abdul Ghani, Pengurus Besar Yayasan Bank Rakyat dan delegasi yang juga penyumbang utama atas kesudian hadir pada pagi ini.

3. Seperti yang kita sedia maklum, perpustakaan merupakan jantung intelektual sesebuah institusi pendidikan, tempat di mana pengetahuan dan pemikiran berkumpul serta inovasi berakar. Dalam era digital ketika ini, kita harus terus beradaptasi dengan perkembangan teknologi untuk memastikan bahawa perpustakaan kita tetap relevan dan dapat diakses oleh semua anggota komuniti.

4. Universiti Malaysia Pahang sesungguhnya amat bertuah kerana menjadi salah satu Universiti Awam yang dipilih untuk menerima sumbangan yang amat bermakna ini. Dengan adanya Serambi Ilmu Rakyat atau lebih dikenali dengan SIR Corner di perpustakaan UMP ini, ianya dapat menjadi nilai tambah yang penting dalam era ledakan maklumat masakini.

5. Kewujudan SIR Corner ini juga melambangkan komitmen perpustakaan dengan kerjasama Yayasan Bank Rakyat bagi meningkatkan lagi kebolehcapaian akses sumber maklumat yang menyeluruh untuk pendidikan dan penyelidikan di UMP. Melalui inisiatif ini, Perpustakaan UMP menyediakan peluang kepada para pelajar untuk meneroka pelbagai sumber pengetahuan secara digital.

6. Saya difahamkan projek Serambi Ilmu Rakyat yang merupakan perpustakaan digital Bank Rakyat yang mula beroperasi pada tahun 2015 dengan lebih 100 ribu koleksi digital yang boleh diakses. Bagi pihak UMP, saya merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian pihak Yayasan Bank Rakyat bekerjasama dengan Perpustakaan UMP di antara 20 IPT dan sekolah terpilih untuk projek ini.

7. Sesungguhnya dengan ketersediaan kemudahan baharu ini akan memberi impak yang besar terhadap pembelajaran dan penyelidikan di universiti ini. Kemajuan teknologi ini telah memungkinkan kita untuk melangkah ke arah yang lebih canggih dan berinovasi dalam bidang pendidikan.

8. Usaha ini juga merupakan kesinambungan bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals' (SDG) ke empat iaitu "Memastikan pendidikan berkualiti secara inklusif dan saksama dan menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat kepada semua".

9. Melalui SIR Corner ini, koleksi karya-karya terkemuka para cendekiawan dan pakar industri yang terkemuka di seluruh dunia boleh diakses diujung jari melalui 100 ribu koleksi digital yang bermutu tinggi. Koleksi digital yang tersedia mencakupi berbagai topik seperti kejuruteraan, perniagaan, ekonomi, kewangan, sosial dan pelbagai lagi.

10. Dengan begitu banyak pilihan yang tersedia, pelajar dan staf akan dapat melaksanakan penyelidikan yang lebih mendalam, memperkayakan pengetahuan mereka serta memberi dorongan yang diperlukan kepada penghasilan karya-karya ilmiah yang berkualiti tinggi.

11. Kemudahan ini bukan sahaja dapat meminimumkan masalah ruang tetapi membolehkan akses kepada sumber-sumber tersebut dapat dilakukan dengan cepat, efisien dan interaktif.

12. Selain itu, bagi memastikan pelajar dilengkapi pengetahuan dan kemahiran seiring era digital dan revolusi industri 4.0, Pengurusan UMP senantiasa menyokong Perpustakaan dalam menyesuaikan koleksi dan sumber bagi memenuhi keperluan bidang baru seperti kecerdasan buatan (AI), Sains Data, Robotik dan Keselamatan Siber. Penyediaan akses kepada sumber termaju dalam bidang ini, menunjukkan Perpustakaan menyumbang kepada pembangunan pengetahuan dan kemahiran khusus di kalangan pelajar UMP.

Tuan-tuan dan puan-puan,

13. Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan ucapan berterima kasih kepada Yayasan Bank Rakyat atas inisiatif pemberian Bantuan Awal Pendidikan (BAP) berjumlah Seratus Ribu (100,000) Ringgit Malaysia kepada 100 orang pelajar UMP yang terpilih melalui Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA). Ada sebahagian penerima tersebut turut bersama kita pada pagi ini. Sesungguhnya sumbangan dan sokongan sebegini amat penting dalam mengurangkan beban kewangan pelajar serta memastikan setiap pelajar mendapat akses pendidikan berkualiti.

14. Kerjasama dengan Yayasan Bank Rakyat melalui Bantuan Awal Pendidikan ini bukanlah sesuatu yang baharu. Malah kerjasama ini telah dirintis sejak 2018^{dengan}, sumbangan yang telah diterima melebihi RM350 ribu ringgit. Semoga bantuan seperti ini dapat diteruskan dan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai lagi pelajar mendapat manfaatnya.

15. Kepada mahasiswa UMP, gunakanlah bantuan yang diterima ini dengan sebaiknya untuk menggapai kecemerlangan, mengejar impian dan seterusnya memberi sumbangan kepada keluarga, universiti, komuniti dan negara.

HARAPAN & KATA PENUTUP

16. Adalah menjadi harapan saya, dengan kejayaan pelancaran SIR Corner pada hari ini, warga UMP dapat mengambil kesempatan memanfaatkan kemudahan ini. Jangan terbatas oleh sempadan fizikal atau ruang masa tetapi teruslah meneroka, belajar dan meraih seberapa banyak mungkin pengetahuan. Saya percaya dengan adanya kemudahan ini kita akan melahirkan pelajar dan staf yang lebih berdaya saing, inovatif dan berpengetahuan.

17. Saya juga berharap kerjasama yang dirintis dengan Yayasan Bank Rakyat melalui Serambi Ilmu Rakyat ini akan menjadi titik permulaan untuk kerjasama yang lebih besar pada masa akan datang. Insyallah mungkin kita boleh kembangkan manfaat ini kepada masyarakat setempat.

18. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan penghargaan Yayasan Bank Rakyat atas inisiatif ini dan kepada pengurusan Perpustakaan UMP atas pengurusan majlis pada pagi ini.

19. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Serambi Ilmu Rakyat (S.I.R) UMP dan penyerahan Bantuan Awal Pengajian (BAP) oleh Yayasan Bank Rakyat.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah, Asssalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.